

TAHAN GAJI PESILAT NEGARA

Persilat kecewa sikap majikan

B. Harian (M)

23 DEC 1988

PERSEKUTUAN Silat Antara-bangsa (Persilat) bersimpati dengan nasib pesilat negara yang bekerja di sektor swasta kerana menghadapi kemungkinan gaji ditahan atau diturunkan pangkat semata-mata menjalani latihan pusat persediaan Sukan SEA '89 di Kuala Lumpur.

Timbalan Presiden Persilat, Haji Aziz Deraman berkata, tindakan pihak swasta itu sudah tentu menjejaskan semangat pesilat-pesilat untuk meneruskan latihan.

"Sehubungan itu, saya harap Majlis Sukan Negara atau Kementerian Belia dan Sukan dapat memberi perhatian berat terhadap masalah ini dan mengambil tindakan segera bagi membela nasib pesilat-pesilat terbabit," kata beliau yang juga Pengarah Kebuda-

yaan di Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, semalam.

Aziz berkata, sektor swasta sepatutnya memberikan cuti tanpa rekod dan gaji penuh kepada barisan pesilat kebangsaan kerana mereka menjalani latihan bagi mendapatkan pingat emas untuk negara.

"Silat adalah satu-satunya acara yang boleh menjamin beberapa pingat emas untuk negara dan sektor swasta seharusnya bersama-sama menjayakannya bagi tujuan itu," katanya.

Setakat ini, silat pernah mengutip dua pingat emas di Sukan SEA Jakarta, empat di Kejohanan Silat Sedunia (1987) dan tiga lagi di Kejohanan Jemputan Sedunia di Singapura, Ogos lalu.

SILAT/ Latihan Sukan SEA

Peserta tidak disiplin disingkir

23 DEC 1988

B. Harian (M)

JAWATANKUASA Latihan Persediaan Silat Sukan SEA '89 masih mengenal pasti beberapa pesilat tidak berdisiplin dan gagal menghadiri latihan pusat untuk disingkirkan, lapor **MOHD RAHIME YUSOF**.

Setakat ini, jawatankuasa itu sudah mengugurkan pesilat Kelas Bebas Melaka, Mazlan Ahmad, manakala beberapa pesilat lain masih dalam perhatian.

"Saya tidak akan teragak-agak menyingkirkan mereka walaupun pernah mengharumkan nama negara jika didapati tidak berdisiplin atau gagal menghadiri latihan tanpa sebarang alasan," kata penguas pasukan, Haji Shafie Abdul Rahman.

Katanya, latihan pusat peringkat ketiga dan keempat selama 21 hari berlangsung serentak di Kompleks Sukan Kampung Pandan, bermula 10 Disember lalu.

Bagaimanapun, tiga pelatih tidak dapat mengikuti latihan pusat kerana beberapa masalah.

Pemenang pingat perak Kejohanan Jemputan Sedunia di Singapura pada Ogos lalu, Meor Badrul Hisham menarik diri kerana baru mendapat kerja dan tidak mendapat perlepasan cuti daripada majikan.

Dua pesilat lain ialah Zulfakar Abdul Majid dan M Rajarathnam

dari Johor juga tidak turut serta.

Bagaimanapun, jawatankuasa itu akan memanggil semula pemenang pingat perak Sukan SEA '87, Razak Ismail (Terengganu) untuk latihan pusat.

Selain itu, mereka masih mengkaji kemungkinan memanggil semula pemenang pingat emas Kejuaraan Sedunia, Ahmad Fauzi Othman.

Katanya, jawatankuasa juga sudah mengenal pasti beberapa pesilat yang menjuarai Sukan Malaysia (Sukma) untuk diserapkan dalam latihan pusat.

"Begitupun, saya tidak boleh memberi jaminan kerana ia bergantung kepada kekosongan jika ada pelatih digugurkan," kata Haji Shafie.

Katanya, sejak latihan bermula sepuluh hari lalu, semua pesilat menunjukkan pencapaian terbaik dan memuaskan.

Antara 30 pesilat yang menjalani latihan ialah Azam Mokhtar, Azam Haj Abbas, Ahmad Wardi Salim, Rafie Yaakob, Khusairi Abdul Rahman, Khairi Ibrahim, Normala Yaacob dan Zaleha Suradi.

Latihan itu dikendalikan oleh enam jurulatih pusat cemerlang yang dikelolakan oleh Majlis Sukan Negara (MSN) diketuai oleh Mohd Sani Morni.